

Headline	FAMA tambah aktiviti peruncitan		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	05 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	Kota Kinabalu	AdValue	RM 3,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,944



FAMA tambah aktiviti peruncitan

➔ Usaha
pastikan produk
PKS tembusi
pasar
seluruh negara

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

Kota Kinabalu

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memperbanyakkan aktiviti peruncitan di Sabah bagi memastikan lebih banyak produk industri kecil dan sederhana (PKS) mendapat pasaran meluas.

Pengerusinya, Tan Sri Badrudin Amiruldin, berkata ini membolehkan produk PKS dan tani yang diusahakan itu bukan hanya dijual di Sabah, malah di seluruh negara.

“Disebabkan itu, kita mengadakan kursus keusahawanan peruncitan pada hari ini (semalam) bagi membangunkan dan meningkatkan peniaga peruncitan

di bawah bimbingan FAMA Sabah, dengan pelbagai ilmu serta kemahiran dalam perniagaan.

“Ini kerana produk bermutu dari Sabah dan boleh dipasarkan secara meluas seperti keropok amplang. Justeru, dengan adanya kedai runcit FAMA, produk dari negeri ini akan sampai ke seluruh negara.

Kuasai teknik pemasaran

“Jadi, kita akan memperbanyakkan aktiviti peruncitan di negeri ini dan berharap peserta kursus mengambil peluang ini untuk mempelajari teknik pemasaran bagi memajukan perniagaan,” katanya ketika merasmikan Kursus Keusahawanan Peruncitan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri Sabah 2017, di sini, semalam.

Lebih 100 peserta dari seluruh negeri menghadiri kursus selama

tiga hari itu. Antara objektif kursus ialah melengkapkan kemahiran peserta dengan pengurusan premis runcit, kaedah susun atur persembahan produk jualan dan teknik pemasaran terkini.

Nilai jualan GBBS RM2.9 juta

Sementara itu, kata Badruddin, sehingga Ogos lalu, usahawan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) di Sabah seramai 41 orang dengan nilai jualan sejak Januari hingga Ogos lalu sebanyak RM2.9 juta.

“Jumlah usahawan projek Agro Bazar Kedai Rakyat (AKR) di Sabah pula seramai 59 orang sejak 2009. Selain itu, sebanyak 66 pasar tani beroperasi di seluruh Sabah dengan bilangan peserta 2,339 orang dan nilai jualan sejak Januari hingga Ogos lalu berjumlah RM7.8 juta,” katanya.

Headline	FAMA tambah aktiviti peruncitan		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	05 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	Kota Kinabalu	AdValue	RM 3,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,944



Fakta nombor

3 HARI

kursus keusahawanan
peruncitan

41

jumlah usahawan
GBBS di Sabah

**Badruddin
(tengah) bersama
sebahagian
peserta kursus**
menunjukkan tanda
bagus ketika
merasmikan Kursus
Keusahawanan
Peruncitan FAMA
2017 di Dewan
Tun Sakaran,
Hotel Tabung Haji,
Kota Kinabalu.